

BERITA HARIAN

Malaysia boleh kuasai eksport makanan siap

BH 13/7/2007

PM mahu pengusaha tempatan manfaat pasaran Asia Pasifik

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia berpotensi untuk muncul sebagai negara pengeksport utama bagi barang makanan dan minuman siap diproses di rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berada di lokasi strategik untuk tujuan itu dan peluang berkenaan perlu dimanfaatkan kerana Asia Pasifik kini ialah pengeluar makanan proses sejuk beku ketiga terbesar di dunia.

"Lebih menarik lagi, kajian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mendapati berlaku perubahan terbesar import bagi produk berkenaan, khususnya di negara membangun di rantau ini seperti China, Indonesia, Malaysia dan Thailand.

"Selain itu, rantau ini juga jelas menyediakan peluang menarik dalam industri makanan dan minuman diproses di Asia Pasifik, walaupun struktur dan operasi dalam industri makanan global sentiasa berubah," katanya berucap melancarkan Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia 2007 (MIFB) ke-8, di Pusat Pameran dan

Konvensyen Matrade (MECC), semalam. Teks ucapannya dibacakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, peluang Malaysia juga cerah kerana aliran semasa menunjukkan pertumbuhan permintaan terhadap makanan sihat dengan pengguna kini lebih suka makanan diproses seperti air mineral dibotolkan, jus buahan, teh herba, makanan organik dan produk tenusu.

Beliau berkata, pengurangan pe-

“Persaingan semakin hebat dan pengusaha Malaysia perlu bersedia menghadapinya serta bangun bersuara jika mahu berjaya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ngambilan daging di Jepun, Hong Kong, Singapura dan Malaysia kerana faktor kesihatan serta peningkatan kesedaran mengenai khasiat makanan laut dan ikan sejuk beku di Asia turut menceraikan peluang Malaysia menceburi industri berkenaan.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan beberapa perkara perlu diberi perhatian dengan yang pertama, melihat rangkaian bekalan global untuk bersaing serta mengoptimalkan semua peluang boleh ditawarkan negara.

"Persaingan semakin hebat dan pengusaha Malaysia perlu bersedia menghadapinya serta bangun bersuara jika mahu berjaya," katanya.

Kedua, beliau berkata, mereka yang terbabit dalam industri berkenaan perlu mengetahui kehendak pasaran dan bersedia untuk memahami minat pengguna termasuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pesaing, selain faham persepsi semasa mengenai Malaysia.

Abdullah berkata, langkah ketiga yang perlu diberi perhatian ialah Malaysia perlu membina keupayaan rangkaian bekalan pengeluar makanan, walaupun ketika ini negara sudah melakukan beberapa perkara yang cukup baik dalam bidang tertentu.

"Masih ada perkara yang tidak diberikan perhatian, termasuk isu mengenai tambahan kos untuk memberi nilai tambah kepada produk. Ini cabaran paling besar kerana kita mahu memastikan tiada tambahan kos yang berlebihan bagi tujuan itu," katanya.

Beliau berkata, faktor keempat, Malaysia juga perlu mengukuhkan lagi kekuatan yang ada walaupun tidak dinafikan kini sudah menjadi pemain utama dalam pasaran global bagi sektor dan industri tertentu.

"Ini termasuk sektor minyak sawit dan bijirin yang mana kita mahu menjadi pengeluar utama di dunia. Kita patut lebih fokus dalam bidang yang kita bagus serta meletakkan sasaran memperoleh lebih banyak hasil dalam bidang berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, faktor kelima ialah Malaysia perlu mewujudkan persaingan berdasarkan semangat perkongsian dengan pihak yang terbabit dalam bidang pertanian termasuk petani serta peserta lain dalam rangkaian pengeluaran.

"Ini sangat penting dan kita perlu mendapatkan maklum balas daripada perunding industri serta bekerjasama dengan mereka menerusi semangat perpaduan," katanya.